




GAYA seorang pengembara begitu menyerlah dengan menyarungkan seluar kargo bersama baju T dan jaket.

SELUAR bermuda menyuntik penampilan yang santai dan ringkas.



KOLEKSI Totally Vintage, mengambil inspirasi daripada keunikan jip tentera Willy.



FABRIK kapas yang ringan digunakan dalam penghasilan pakaian bagi memenuhi aspek kualiti serta keselesaan.

Gaya lasak bapa dan anak

Buat golongan bapa yang gemar melakukan aktiviti lasak dan aktif bersama anak-anak, pakaian jenama Jeep merupakan pilihan yang sesuai untuk digayakan.

MENGAMBIL inspirasi dari pada pengangkutan ikonik perang Dunia Kedua di Amerika Syarikat (AS) iaitu jip Willy yang dikeluarkan pada tahun 1940-an, jenama Jeep memperkenalkan koleksi fesyen terbaru buat golongan jejaka dan kanak-kanak.

Himpunan pakaian yang dilancarkan pada baru-baru ini, nampaknya berterpadu dengan mood sambutan Hari Bapa yang diraikan sepanjang bulan Jun. Kehadiran koleksi fesyen yang diberi nama Totally Vintage, tersebut bagaikan mengajak golongan bapa bersama anak-anak menyarungkan pakaian yang selesa serta berkualiti sewaktu melakukan aktiviti lasak.

Biarpun mengangkat konsep rekaan ranggi dan ala kembara, namun pa-

kaian Totally Vintage, masih ideal untuk digunakan oleh jejaka urban sewaktu bersantai sambil menghirup kopit atau kafe dalam bandar mahupun ketika menenangkan fikiran jejaka dan kanak-kanak.

Selain menampilkan seleksi seluar panjang kargo iaitu sejenis seluar potongan longgar yang mempunyai poket di bahagian tepi paha, koleksi Totally Vintage turut menawarkan seluar khaiki dan seluar bermuda paras lutut.

Jejaka diberi kebebasan sama ada untuk memiliki seluar rona gelap seperti hitam atau coklat, ataupun warna terang yang terdiri daripada nuansa kuning, jingga dan biru denim. Palet

warna pilihan itu sesuai dipakai pada sebelah siang dan sebelah malam.

Bagi menyuntik penampilan yang segerak dan tampak lasak, praktikkan saja konsep suai dan padan mengikut citarasa serta kesesuaian lokasi. Antaranya adalah dengan memadankan seluar bermuda atau seluar khaki bersama baju T polos dan kemeja lengan pendek berpetak-petak. Jika ingin penampilan yang santai dan lebih ringkas, seluar bermuda dan baju T cetakan jalur sedudum madai.

Dalam pada itu, koleksi Totally Vintage yang menggunakan fabrik yang menyerap peluh turut hadir dengan seleksi jaket lengan panjang dan jaket berlengan pendek untuk kanak-kanak lelaki manakala blaus dan seluar panjang potongan ringkas buat kanak-kanak perempuan.

yang memiliki hid. Ia bertindak melindungi kepala daripada hujan ataupun sinaran matahari.


Sementara itu, Totally Vintage juga menyediakan pakaian kanak-kanak berdasarkan kain kapas yang lembut dan ringan. Penggunaan kain kapas merupakan pilihan yang tepat untuk menyerap peluh dan memberi kesesuaian berpanjangan.

Bersesuaian dengan jiwa kanak-kanak yang aktif dan gemar bergerak-bebas, maka Jeep menawarkan baju T, kemeja, jaket berhud dan seluar kargo pendek untuk kanak-kanak lelaki manakala blaus dan seluar panjang potongan ringkas buat kanak-kanak perempuan.

HIMPUNAN terbaru Jeep ini sesuai digunakan oleh golongan bapa yang gemarkan aktiviti lasak dan kembawa.



SELAIN golongan jejaka, koleksi fesyen Totally Vintage turut menawarkan pakaian kanak-kanak yang menampilkan gaya ceria dan comel.



BAJU T, kemeja dan blaus adalah antara item fesyen yang terdapat dalam rangkaian kanak-kanak.

INFO

Koleksi Jeep

Lokasi:
Dijual di Outfitters Studio dan gedung pakaian utama di seluruh Malaysia.

Harga:
Bermula RM49 hingga RM259.90
Web:
www.facebook.com/JEEPApparelMY

GELAGAT penyokong Sweden sewaktu menyaksikan perarakan Euro 2012 di Kiev, Ukraine.



rentakfesyen

Kaca mata Euro 2012

SORAKAN dan jeritan para penyokong bola sepak memeriahkan suasana sepanjang berlangsungnya Kejohanan Bola Sepak Eropah (Euro) 2012. Ia merupakan kejohanan paling berprestij dan terbesar selepas Piala Dunia yang diadakan oleh Kesatuan Bola Sepak Eropah (UEFA).

Sejak diperkenalkan pada tahun 1960, kejohanan yang diadakan setiap empat tahun sekali itu bukan saja menyaksikan kehebatan pasukan bola sepak pelbagai negara bersaksi di padang bola, malah gelagat peminat turut mencuri tumpuan.

Dalam usaha menunjukkan semangat dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pasukan pilihan, para peminat tidak lekang mengibarkan bendera, menyarungkan jersi dan merias wajah dengan lakaran bendera serta logo pasukan.

Tidak ketinggalan, penyokong lelaki dan wanita turut menggayakan pelbagai aksesori yang mengikut tema seperti sarung kaki, topi, gelang tangan dan kasut. Ini termasuklah memakai cermin mata pelbagai saiz bingkit, warna dan corak yang mengikut warna tema bagi sesebuah pasukan.

Buktinya, lihatlah koleksi foto agensi media antara bangsa yang merakamkan kelebihan para peminat bersama cermin mata yang unik, pelik dan funky.



WANITA ini tampak ceria dengan cermin mata berbingkai bendera Sepanyol.



CERMIN mata menyertai bola antara aksesori yang paling popular sepanjang kejohanan Euro 2012.



CERMIN mata berbingkai besar menceriakan penampilan remaja lelaki ini.